

BUKU BAHASA ARAB MODUL 1 (عربييتنا). Oleh Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohamad Rofian Ismail, Siti Nurhajariah Md Isa dan Awatif Abdul Rahman. Penerbit KUISCELL, Kajang, 2016. ISBN 978-967-11714-6-2.

Nama-nama pengarang ini adalah merupakan para pensyarah yang sedang berkhidmat di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) di Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab (JPBLA) di Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) dan di Pusat Pengajian Teras (PPT).

Buku Bahasa Arab Modul 1 (عربييتنا) merupakan buku pertama daripada empat buah buku yang dihasilkan daripada permuafakatan antara JAIS dan pihak KUISCELL dalam memberi khidmat dalam bidang pendidikan Bahasa Arab kepada masyarakat setempat yang ingin mempelajari dan mendalami bidang Bahasa Arab. Buku ini digunakan di masjid-masjid sekitar Negeri Selangor, Malaysia yang diajar oleh guru-guru yang berpengalaman yang dilantik khas oleh JAIS dan KUISCELL.

KUISCELL sebagai sebuah anak syarikat yang bernaung dibawah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah dipertanggung-jawabkan untuk menyusun beberapa modul pembelajaran yang akan digunakan sebagai silibus pembelajaran Bahasa Arab di dalam siri-siri pembelajaran tersebut. Terdapat empat kumpulan pakar dari kalangan para pensyarah Bahasa Arab di KUIS dan pakar-pakar luar terlibat dalam pembentukan silibus atau modul terbabit. Kini buku ini turut digunakan bagi pelajar yang ingin menyambung pembelajaran di KUIS didalam bidang pengajian Islam tetapi tidak mempunyai kelayakan yang cukup dalam bidang Bahasa Arab.

Kursus Bahasa Arab yang menggunakan buku ini di peringkat masjid ini dinamakan sebagai KAMBA (Kursus Masjid – Bahasa Arab) dijalankan pada setiap hujung minggu (Sabtu dan Ahad) secara percuma selama 30 jam bagi setiap modul. Ia telah berjalan selama hampir 5 tahun dan telah terdapat para pelajar yang telah menamatkan pembelajaran mereka dengan mengikuti 4 modul sebagaimana yang telah dirancang. Di dalam modul KAMBA, terdapat beberapa elemen yang ditekankan seperti kemahiran berbahasa iaitu ilmu Nahw dan Sorf Arab serta pembinaan Ayat di dalam bahasa Arab mengikut kaedah tatabahasa Arab yang betul.

Pada peringkat KUIS pula, buku ini digunakan bagi para pelajar yang ingin pengambil penghususan pengajian Islam tetapi tidak mempunyai kelulusan yang mencukupi di dalam bidang Bahasa Arab. Dengan itu, KUISCELL dipertanggung-jawab bagi penawaran kursus tersebut kepada mereka yang berminat. Dalam masa yang sama, KUISCELL turut menawarkan kursus KIBAR (Kursus Bahasa Arab) bagi orang awam yang terdiri daripada penduduk sekitar KUIS yang ingi mendalami Bahasa Arab dengan menggunakan buku dan modul yang sama.

Kemahiran berbahasa meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berbahasa ini merupakan teras kepada penguasaan bahasa baku. Penguasaan kesemua kemahiran ini amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya berjalan dengan lancar dan berkesan. Kemahiran bahasa yang berhubung dengan kemahiran lisan melibatkan dua komponen asas, iaitu mendengar dan bertutur. Kedua-dua komponen ini berkait rapat dan saling melengkapi. Kemahiran membaca dan menulis pula merupakan kemahiran bukan lisan.

Kemahiran mendengar merupakan kemahiran lisan yang paling asas dan ia berlaku pada peringkat penerimaan. Seseorang murid yang telah dapat menguasai kemahiran mendengar dengan baik biasanya harus dapat mendengar dengan baik apa sahaja yang dituturkan oleh orang lain dan dapat pula memahami maksud serta membuat tafsiran daripada apa yang didengar. Mendengar melibatkan tiga perkara asas iaitu mendengar, memahami dan menilai. Mendengar bermaksud memberikan perhatian pada perkara yang disampaikan oleh penutur. Memahami pula bermaksud mengambil perkara yang telah kita dengari dan memahaminya dengan cara kita sendiri. Menilai pula berlaku setelah kita memahami perkara yang disampaikan oleh penutur, kita mula memikirkan sama ada kenyataan itu memberikan makna tertentu dan kita hanya dapat menerimanya tanpa berfikir.

Manakala kemahiran bertutur ialah kegiatan melafazkan bunyi-bunyi yang dilahirkan daripada alat sebutan (artikulator) manusia. Kemahiran tersebut merupakan kemahiran berinteraksi menggunakan bahasa. Kemahiran bertutur berlaku pada peringkat kelahiran yang tidak boleh dicipta oleh pelajar, tetapi mesti ditiru dan diajuk. Model pertuturan yang lemah akan menghasilkan ajukan yang lemah. Sementara model yang baik belum tentu dapat menjamin ajukan yang baik. Namun begitu, model yang baik itu sangat diperlukan kerana model tersebut mungkin akan menghasilkan tindak balas yang baik juga.

Kemahiran membaca merupakan salah satu daripada empat kemahiran bahasa yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kemahiran membaca adalah lanjutan daripada kemahiran-kemahiran asas seperti mendengar dan bertutur. Melalui pembacaan, seseorang itu mampu menimba ilmu pengetahuan yang tidak dapat diperolehi menerusi pengalaman-pengalaman biasa yang lain.

Membaca bermaksud memindahkan tulisan kepada suara. Selain itu, membaca juga didefinisikan sebagai bukan memindahkan tulisan kepada suara sahaja bahkan menangkap makna dan memahami apa yang dibaca. Seseorang murid yang boleh memindahkan tulisan kepada suara, walau bagaimana lancar sekalipun, jika tidak memahami perkara yang disuarakan maka murid itu tidak dikira sebagai pandai membaca. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa membaca ialah menyuarakan tulisan, mengambil isi dan fikiran yang tertulis dan memahami kandungannya.

Secara umumnya, kemahiran menulis merupakan perlakuan menggunakan pen, pensel atau sebarang alat tulis bagi menulis atau menaip sebarang idea mahupun pernyataan. Namun

begitu, definisi ini begitu umum dan bersifat mekanikal. Di samping itu, menulis juga bermaksud melahirkan perasaan (fikiran dan lain-lain) dengan catatan yang memakai huruf, membuat surat atau mengarang. Sebenarnya, menulis merupakan kegiatan simbol-simbol grafik yang disusun atur berdasarkan pertuturan yang membentuk perkataan seterusnya disusun menjadi ayat-ayat. Tulisan adalah bahasa yang bertulis dengan lambang-lambang bunyi. Tulisan juga merupakan alat untuk melahirkan fikiran dan perasaan. Ia merupakan bahasa yang tersusun yang berupa rangkai-rangkai kata dan ayat-ayat.

Menulis juga dimaksudkan sebagai perbuatan mencatatkan kata-kata dengan huruf dan menggunakan alat tulis, melahirkan perasaan atau fikiran melalui tulisan dan catatan yang memakai huruf. Menulis juga bermaksud menzahirkan apa-apa yang ada dalam minda melalui media tulisan agar terhasil teks yang dapat dibaca dan seterusnya difahami oleh orang lain.

Komponen-komponen asas kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bercakap, membaca dan menulis akan diajarkan bersama dan tidak dapat dipisahkan semasa proses pembelajaran berlaku. Dianggarkan pelajar yang sedang mempelajari modul akhir (modul 4) telah melalui kesemua proses pembelajaran kemahiran berbahasa Arab dengan baik.

Buku modul Bahasa Arab 1 ini sebenarnya ditulis dan ditujukan kepada mereka yang ingin mempelajari Bahasa Arab secara sistematik bermula dengan kemahiran-kemahiran asas bagi Bahasa Arab. Dengan itu, ia memfokuskan empat matlamat awal pembelajaran di dalam bab pertama dengan ditekankan pada 1) mengenal huruf-huruf hijaiyyah dengan bentuknya yang pelbagai beserta sebutan yang betul pada hurufnya, 2) menulis huruf-huruf tersebut dengan tulisan yang betul, 3) membezakan penulisan huruf-huruf hijaiyyah dalam keadaannya terpisah atau bersambung dengan huruf-huruf yang lain mengikut kedudukannya samada di hadapan atau ditengah atau di akhir kalimah (perkataan), dan 4) mempelajari sedikit daripada seni penulisan khat Arab.

Bagi merealisasikan matlamat pembelajaran, penulis memulai perbincangan dengan memperkenalkan kesemua 28 huruf-huruf Arab dan cara menyebutnya dengan betul berdasarkan satu gambar rajah mulut manusia. Gambar rajah tersebut menunjukkan dimana tempat asal atau tempat keluar huruf-huruf hijaiyyah ini bermula. Dalam masa yang sama dimasukkan juga cara penulisan khat yang betul bagi huruf-huruf hijaiyyah tersebut. Penulis juga turut meletakkan gambar-gambar yang terdapat huruf-huruf hijaiyyah pada kedudukannya yang berlainan supaya para pelajar dapat membezakan penulisan huruf tersebut semasa di awal kalimah atau ditengah kalimah atau dihujung kalimah seperti huruf

(أ) pada kedudukannya yang berbeza pada kalimah (أرنب) dan (كأس) dan (نبأ). Untuk tujuan menambahkan kosa kata para pelajar, setiap perkataan Arab tersebut diletakkan bersama makna perkataan yang berupa gambar.

Dalam bab yang pertama juga terdapat latihan menulis perkataan Arab. Para pelajar disuruh menyambungkan huruf-huruf hijaiyyah untuk membentuk satu kalimah dan juga sebaliknya yang mana para pelajar disuruh mengasing-asingkan huruf-huruf yang terdapat di dalam kalimah-kalimah yang sedia dibentuk. Dalam pada itu, terdapat juga dalam bab 1, para pelajar disuruh untuk menulis perkata-perkataan yang diperdengarkan kepada mereka malalui audio rakaman yang dimainkan oleh tenaga pengajar. Manakala latihan yang terakhir dimasukkan sedikit elemen nahw didalam pembelajaran iaitu berkaitan dengan kata tunjuk (هذا) dan (هذه) bagi perkataan yang ditunjukkan bersama dengan gambar-gambar serta penulisan ayat bahasa Arab yang mengandungi kata-kata hikmah.

Buku yang mengandungi 8 bab dan mempunyai 167 muka surat kesemuanya , memulakan bab yang ke-2 dengan menyatakan matlamat bagi bab ini iaitu 1) membezakan baris pendek dan baris panjang dengan sebutannya yang betul, 2) mengenalpasti keistimewaan penulisan Arab iaitu baris tanwin, baris mati, syaddah dan ة qamariyyah dan shamsiyyah serta 3) membezakan antara penulisan huruf hamzah wasal atau qath'i dalam bacaan. Semua latihan yang disediakan di dalam buku modul ini diselaraskan seperti yang terdapat pada bab pertama. Di samping itu, kosa kata dikembangkan melalui gambar-gambar yang berlainan yang disertakan sama semasa melaksanakan latihan-latihan yang disediakan.

Pada bab yang ketiga, tajuk pada bab ini adalah “kata ganti nama”. Modul buku ini menetapkan empat matlamat iaitu 1) menyebut kalimah Dhamir (kata ganti nama) dengan sebutan yang betul, 2) menulis kalimah dhamir dengan penulisan yang betul, 3) mengingati kalimah dhamir dengan menghafaznya dan 4) latihan tentang dhomir di dalam ayat ringkas Bahasa Arab. Di dalam bab ini terdapat tambahan latihan dengan dimasukkan latihan pengukuhan berbentuk dialog.

Manakala dalam bab yang ke-4 pula bertajuk “Nombor dan bilangan”, antara matlamat pembelajaran yang ingin dicapai dalam bab ini adalah 1) memperkenalkan bilangan dan nombor-nombor dalam Bahasa Arab, 2) penulisan bilangan dan nombir Arab, 3) menghafaz nombor-nombor dan bilangan Bahasa Arab dan 4) pelaksanaan nombor dan bilangan di dalam ayat ringkas Bahasa Arab.

Pada bab yang ke-5 pula, tajuk yang diletakkan pada bab ini adalah “Keluarga”. Bagi bab ini matlamat pembelajarannya pula lebih menitik beratkan pengkayaan kosa kata berkaitan dengan tajuk keluarga. Terdapat empat matlamat pembelajaran yang perlu dicapai iaitu 1) memperkenalkan perkataan Arab yang berkaitan dengan keluarga, 2) menulis kata nama yang berkai dengan keluarga, 3) menghafaz kosa kata yang berkait dengan keluarga dan 4) meletakkan perkataan yang sesuai di dalam ayat berkaitan dengan keluarga. Terdapat penambahan di dalam latihan yang disusun di dalam modul ini dengan memperkenalkan beberapa kata sendi seperti perkataan في dan أمم serta terdapat karangan pendek berkaitan dengan keluarga. Di sini terdapat penekanan terhadap latihan membaca bagi teks ringkas yang disediakan berkaitan dgn tajuk keluarga.

Dalam bab ke-6 pula, tajuk yang diberikan adalah “Hari-hari dan Bulan-bulan”. Antara matlamat yang ingin dicapai melalui tajuk diatas dalam bab ini ialah 1)mengetahui berikatan nama hari dan bulan dalam Bahasa Arab, 2) menyebut dan menulis nama-nama hari dan bulan dengan tulisan dan sebutan yang betul, 3) menghafaz nama-nama hari dan bulan serta 4) melaksanakannya di dalam latihan yang disediakan. Pada tajuk ini diperkenalkan juga nama-nama bulan yang berbeza mengikut sebutannya mengikut calendar Masehi, Hijri dan Qamari.

Manakala pada bab ke-7 pula, tajuk yang dipilih untuk dipelajari adalah “Anggota Badan”. Antara matlamat pembeajaran yang ingin dicapai melalui tajuk ini adalah 1) memperkenalkan nama-nama anggota badan di dalam Bahasa Arab, 2) menebut dan menulis nama-nama anggota badan dengan sebutan dan tulisan yang betul, 3) menghafaz nama-nama anggota badan serta 4) melaksanakannya di dalam latihan yang disediakan. Dalam tajuk ini, terdapat juga usaha daripada penulis untuk memperkayakan kosa kata para pelajar yang mempelajari Bahasa Arab.

Pada tajuk yang terakhir iaitu tajuk ke-8 adalah berkait dengan “Warna”. Antara matlamat pembeajaran yang ingin dicapai melalui tajuk ini adalah 1) memperkenalkan nama-nama warna di dalam Bahasa Arab, 2) menebut dan menulis nama-nama warna dengan sebutan dan tulisan yang betul, 3) menghafaz nama-nama warna serta 4) melaksanakannya di dalam latihan yang disediakan. Dalam tajuk ini dinyatakan perbezaan antara warna yang diguna bagi jenis lelaki (مذكر) dan perempuan (مؤنث). Ia pula disesuaikan dengan gambar-gambar untuk memperkayakan kosa kata baru yang diperkenalkan.

Antara penambahbaikan yang boleh ditingkatkan dalam buku ini iaitu, pada bab 7 dan 8, terdapat kesalahan di dalam teks perbualan. Kesalahan ini dijangkakan adalah merupakan kesalahan cetakan ataupun kesalahan yang dilakukan oleh penyusun yang menyusun bahan-bahan pengajaran yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab. Terdapat kesalahan yang nyata pada muka surat 68 dan 138. Pada masa yang sama, buku ini tidak mengangungi synopsis yang memudahkan para pembaca mengetahui isi kandungan buku secara umum. Apatah lagi buku ini juga tidak mengandungi daftar isi kandungan berkaitan dengan tajuk-tajuk Bahasa Arab yang terdapat di dalamnya. Buku ini juga tidak mempunyai ISBN amat memerlukan semakan kali kedua daripada penyemak yang mahir dalam Bahasa Arab. Dapat dirumuskan di sini, terdapat beberapa kesilapan besar yang boleh ditambahbaik iaitu berkenaan dengan isi penulisan dan teknikal yang tidak tersusun.

Penggunaan BBM semasa mengajar dan menggunakan buku ini juga adalah sangat penting dalam P&P bahasa Arab. Para guru tidak boleh hanya bergantung kepada ilustrasi yang terdapat didalam buku ini sahaja malah mereka perlu menarik minat para pelajar untuk lebih tekun mempelajari bahasa ini. Dengan minat dan kesungguhan para pelajar akan memudahkan lagi proses perjalanan pembelajaran para pelajar. Dengan itu, para guru perlu

berkreativiti ketika mengajar kemahiran-kemahiran asas bahasa Arab. Ini kerana, proses P&P asas bahasa Arab sangat berkesan dengan bantuan BBM seperti video, LCD, komputer dan sebagainya. Semoga penerbitan buku ini menjadi sajian yang baik kepada pelajar khususnya dan kepada masyarakat secara umum yang gemarkan Bahasa Arab.

Khairatul Akmar bin Ab Latif

Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab (JPBLA),

Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI),

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.